

PRAKTIS 5

*Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kirana dijangka tiba di stesyen komuter Seremban pada pukul 4:30 petang.
-

- (ii) Izzuddin baru sahaja menamatkan pengajiannya di Instituti Kemahiran Melaka.

- (iii) Restoran Pak Talib menjadi terkenal kerana keenakan mee udangnya.

[3 markah]

PRAKTIS 6

*Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Keputusan peperiksaan semesta dua dijangka akan diumumkan pada bulan Febuari.

- (ii) Cikgu Halim sangat bersemangat ketika memberi penjelasan mengenai definisi kemerdekaan kepada murid-muridnya.

- (iii) Ajaran Islam mengingatkan penganutnya agar sentiasa menjaga aqidah supaya tidak terpesong daripada landasannya.
